

MODUL KBAT ZOOM

TINGKATAN 4 ALIRAN KEMAHIRAN

BIDANG HADIS

1 PELAJARAN 2 UNIT 2 – KEPENTINGAN USAHAWAN MUSLIM

- Ahmad mengusahakan bengkel motosikal bersama-sama tiga rakannya yang lain.
- Firdaus bekerja sebagai seorang pegawai di sebuah jabatan kerajaan.



Pada pandangan anda, yang manakah lebih baik bekerja sendiri sebagai usahawan atau makan gaji. Bincangkan.

Jawapan:

BIDANG AKIDAH

2 PELAJARAN 3 UNIT 1 DAN 2 : KONSEP IMAN



Berdasarkan gambar di bawah, buat rumusan amalan yang boleh menambahkan dan mengurangkan iman serta kesannya.



Jawapan :

	Berdasarkan pernyataan di bawah, jalankan perbincangan dalam kumpulan cara mengatasi ajaran sesat tersebut daripada mempengaruhi rakan anda. Rakan anda bercerita kepada anda tentang ajaran yang pelik seperti solat dengan niat sahaja, tidak perlu puasa pada zaman sekarang serta lelaki dan perempuan boleh bergaul dengan bebas. Jawapan :
BIDANG FEKAH	
3	PELAJARAN 4 UNIT 1 : KONSEP SEMBELIHAN Berdasarkan gambar di bawah, senaraikan perbezaan antara proses sembelihan secara tradisional dengan moden dalam pelaksanaan perkara sunat sembelihan. Sembelihan secara tradisional. Sembelihan secara moden. Jawapan:

UNIT 2 : KONSEP KORBAN DAN AKIKAH



Berdasarkan gambar di atas, bincangkan kesan ibadah korban kepada masyarakat bersama-sama rakan.

Jawapan :

UNIT 3 : HAJI DAN UMRAH



Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk mengelak daripada berlakunya perkara di bawah?

- Rugi RM1.6 juta. 35 jemaah haji ditipu – sidang media Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) pada 21 November 2017 (blog rasmi PPIM).

Penipuan pakej haji dan umrah babitkan RM11.1 juta

KOTA BHARU: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima aduan membabitkan kes penipuan umrah dan haji dengan nilai kerugian RM11.1 juta di seluruh negara, sepanjang tempoh enam tahun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, Sersentenan Mohamad Zuhairi Che Daud, berkata sejak 2012 hingga Ogos tahun ini membabitkan 287 kes.




Katanya, pihak tidak bertanggungjawab itu menggunakan modus operandi dengan menawarkan pakej umrah dan mendakwa

mampu mengurangkan urusan umrah manrus selepas bayaran dibuat, individu tersebut menghilangkan diri.

Biasanya pakej ini ditawarkan oleh syarikat pelancongan dengan harga murah. Saya nasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan pakej umrah yang terlalu murah kerana harga minimum pakej yang sah adalah sebanyak RM4,900 seorang.

Jawapan :

BIDANG SIRAH DAN TOKOH	
5	PELAJARAN 5 UNIT 1 : 2 – SAIDINA SALMAN AL-FARISI Ketika tentera al-Ahzab yang diketuai oleh Abu Sufian bin Harb seramai 10 000 orang ingin menyerang kota Madinah, timbul kebuntuan dalam kalangan tentera Islam. Mereka perlu mengatur strategi untuk membendung kemaraan tentera musuh. Tercetus idea bernas daripada Salman al-Farisi r.a. yang mencadangkan untuk menggali parit (Khandak). Idea dan strategi ini diterima oleh Nabi Muhammad SAW. Penggalian parit telah berlangsung selama enam hari dan perang tercetus pada tahun 5 Hijrah bersamaan 637 Masihi. Seramai 3 000 tentera Islam menyertai peperangan ini. Strategi ini menyebabkan musuh sukar untuk menyerang kota Madinah.  Sebagai seorang Muslim di Malaysia, senaraikan sumbangan yang boleh anda lakukan untuk memartabatkan agama Islam. Jawapan :
BIDANG ADAB	
6	PELAJARAN 6 UNIT 1 : KONSEP BERAKHLAK YANG JUJUR  Anda dan rakan anda bekerja di sebuah pasar raya. Suatu hari, anda terjumpa beg duit berisi wang tunai milik seorang lelaki berjumlah hampir RM2000.00 tercicir di pasar raya tersebut. Seorang daripada rakan anda mencadangkan wang tersebut dibahagi-bahagikan sesama rakan anda. Berdasarkan situasi di atas, berikan pendapat anda dan nyatakan kesan daripada tindakan tersebut. Jawapan :

UNIT 2 : KONSEP BERSYUKUR



Jawapan :

SOALAN TAMAT